

Terma dan Syarat (“T&S”)

TEMPOH PROMOSI

Promosi Powerlink Perbankan Priority (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada 12 Jan 2017 dan berakhir pada 30 Jun 2017, termasuk pada kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), kecuali dimaklumkan sebaliknya melalui paparan di laman sesawang HLB di www.hlb.com.my (“Laman Sesawang HLB”).

Terma dan Syarat (“T&S”)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua individu warganegara dan bukan-warganegara Malaysia yang merupakan pelanggan Perbankan Priority (“Pelanggan PB”) dalam kategori berikut:-

- (i) Pelanggan PB sedia ada; atau
- (ii) Pelanggan sedia ada yang dinaiktaraf menjadi Pelanggan PB semasa Tempoh Promosi; atau
- (iii) Pelanggan PB baharu yang tidak mempunyai sebarang akaun dengan HLB sebelum Tempoh Promosi, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. Untuk mengelakkan keraguan, dalam konteks ini Pelanggan PB merujuk kepada pelanggan yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan Keahlian Perbankan Priority (“Keahlian PB”) sebagaimana dinyatakan dan dijelaskan di bawah.

3. Keahlian Perbankan Priority merujuk kepada jumlah gabungan Aset Cair sebanyak Dua Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM200,000.00) atau sebarang amaun lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa (“Kriteria Kelayakan”).

4. Untuk tujuan di sini, terma “Aset Cair” bermaksud semua jumlah amaun kredit dalam mana-mana Akaun Deposit Tetap (“FD”), Akaun Semasa & Akaun Simpanan (“CASA”) dan/atau Akaun Matawang Asing dengan HLB dan terma “Pelaburan” pula merujuk kepada amaun pelaburan prinsipal dalam mana-mana Dana Unit Amanah (“UT”), Instrumen Deposit Boleh Runding Kadar Terapung (“FRNID”), Bon Runcit, Pelaburan Berkaitan-Ekuiti (“ELI”) dan/atau Pelaburan Dwi-Matawang (“DCI”) dengan HLB pada satu-satu masa. Akaun Semasa ‘Mortgage Plus’ dan ‘Super Easi 123 Flexi Loan’ dikecualikan daripada sebahagian aset cair yang membentuk Kriteria Kelayakan.

5. Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) orang yang memohon untuk Keahlian PB, akaun bersama perlu dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya pertama tertera dalam rekod HLB akan menjadi Pemegang Akaun Utama dan pemegang akaun bersama seterusnya akan menjadi Pemegang Akaun Sekunder.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK **PENGELUAR** APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

KAEDAH PROMOSI

6. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan PB dikehendaki melakukan dan memenuhi syarat/kriteria semasa Tempoh Promosi untuk layak mendapat Kadar Promosi FD:-
- (i) untuk melabur Amaun Minimum UT/FRNID ("Amaun Pelaburan") dalam mana-mana UT atau FRNID terpilih (yang disenaraikan dalam lampiran 1, sila rujuk terma dan syarat lengkap*) ("Pelaburan Terpilih"); dan
 - (ii) Amaun Pelaburan mesti amaun yang bersamaan atau sehingga dua (2) kali ganda amaun pelaburan UT atau satu (1) kali ganda FRNID ke dalam akaun FD yang baharu dibuka atau sedia ada untuk Tempoh yang ditetapkan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan PB baru dikehendaki membuka akaun FD baharu dengan HLB semasa Tempoh Promosi (jika Pelanggan PB tidak mempunyainya) untuk mematuhi syarat ini.

Amaun UT Minimum	Caj Jualan Minimum	Nisbah UT/FRNID:FD	Amaun FD Maksimum	Tempoh dan Kadar Promosi FD
RM50,000	3.00%*	1 UT: 2 FD	Sehingga 2 kali Amaun UT	3 bulan FD 5.60% setahun

*3.00% merujuk kepada caj jualan UT minimum pada dana UT yang mengambil bahagian.

Amaun FRNID Minimum	Caj Jualan Minimum	Nisbah UT/FRNID:FD	Amaun FD Maksimum	Tempoh dan Kadar Promosi FD
RM100,000	(Tidak Berkaitan)	1 FRNID: 1 FD	Sehingga 1 kali Amaun FRNID	3 bulan FD 5.60% setahun

7. Pelanggan PB yang telah melakukan dan memenuhi syarat yang dinyatakan dalam Klausula 6 di atas akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak" untuk tujuan promosi ini.

8. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak **boleh** menikmati Kadar Promosi FD di atas:

- (i) letakan Pelaburan Terpilih dan FD perlu dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Promosi; dan
- (ii) Amaun FD maksimum yang boleh diletakkan serentak dengan Pelaburan Terpilih dinyatakan sebagai nisbah kepada amaun Pelaburan Terpilih.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK **PENGELUAR** APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

9. Faedah FD akan dikreditkan ke dalam CASA yang dinamakan milik Pelanggan Layak apabila Tempoh telah matang. Penambahan faedah kepada Jumlah Prinsipal FD tidak dibenarkan.
10. Jika FD dikeluarkan sebelum Tempoh matang, tiada faedah akan dibayar ke atas FD yang dikeluarkan sebelum lengkap tiga (3) bulan sebagaimana dinyatakan dalam peraturan Persatuan Bank-bank Malaysia ("ABM"), Seksyen E (v).
11. Apabila matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar terbitan semasa konvensional.
12. Pengeluaran sebahagian daripada FD adalah tidak dibenarkan.
13. Pengeluaran FD sama ada sebelum atau selepas tempoh matang hanya boleh dilakukan di cawangan asal iaitu cawangan di mana perletakan FD dilakukan.
14. Tarikh tempahan UT akan dianggap sebagai tarikh perletakan UT untuk produk UT terpilih dalam Pelaburan Terpilih.
15. Tarikh dagangan FRNID akan dianggap sebagai tarikh perletakan FRNID untuk produk FRNID terpilih dalam Pelaburan Terpilih.
16. Perletakan amaun FD dan amaun pelaburan dalam Pelaburan Terpilih mesti dilakukan pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpul dari hari yang berlainan.
17. Pemegang Akaun Utama untuk kedua-dua akaun Pelaburan Terpilih dan akaun FD mestilah di bawah nama Pelanggan PB yang sama.
18. HLB berhak untuk meminda dana-dana Pelaburan Terpilih yang mengambil bahagian yang disenaraikan dalam Lampiran 1 dari semasa ke semasa dalam Tempoh Promosi.
19. Pelanggan Layak bertanggungjawab dan secara peribadi perlu menanggung semua cukai-cukai yang berkaitan, yuran-yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, yang berkaitan dengan penyertaan mereka di dalam Promosi ini.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK **PENGELUAR** APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

TRANSAKSI PRODUK PELABURAN

20. Pelaburan bersama dianggap sebagai **pemilik nama** pertama **yang** tertera dalam borang transaksi pelaburan untuk Pelaburan Terpilih (“Pemegang Akaun Utama Pelaburan”). Hanya Pemegang Akaun Utama Pelaburan layak mendapat Kadar Promosi FD di atas.

21. Sekiranya Pelanggan Layak melaksanakan hak bertenang Unit Amanah mereka atau mana-mana transaksi Pelaburan Terpilih telah ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebarang sebab, Pelanggan Layak TIDAK berhak mendapat Kadar Promosi FD. Selaras dengan itu, dana-dana yang diletakkan dan didepositkan dalam akaun FD akan dikeluarkan dan tiada faedah akan dibayar sejajar dengan peraturan ABM.

22. Semua terma dan syarat, peraturan dan undang-undang sedia ada yang **mentadbir** transaksi Pelaburan Terpilih akan berkuat kuasa.

23. Terma dan syarat yang **mentadbir** transaksi dalam UT dan produk Pelaburan Terpilih dinyatakan secara tertentu dalam Prospektus dan Prospektus Tambahan terkini yang berkaitan dengannya (jika ada), yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mana ia dikawalselia oleh dan ditadbir selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) dan garis panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

24. Penafian Unit Amanah: Dokumen ini bukan bertujuan sebagai pelawaan atau tawaran untuk melanggan unit amanah dan ia bukan penawaran oleh HLB untuk mendapatkan langganan unit amanah daripada sesiapa. Pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospektus boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan kami atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang dirujuk dan dilampirkan dalam prospektus. Pelabur diingatkan bahawa terdapat yuran dan caj yang dikenakan dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan agar mempertimbangkan yuran dan caj berkenaan sebelum melabur dan merujuk dengan penasihat kewangan berlesen atau profesional mereka jika ada keraguan mengenai sebarang ciri atau jenis dana. Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi lampau bukan indikasi prestasi masa hadapan. Pulangan ke atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak membentuk deposit bank atau tanggungjawab HLB dan ianya tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB serta ia tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit di dalam skim tersebut tidak diinsuranskan oleh PIDM dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak diinsuranskan oleh PIDM.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK **PENGELUAR** APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

25. Semua terma dan syarat, peraturan dan undang-undang sedia ada yang **mentadbir** FRNID terpilih di bawah Pelaburan Terpilih akan berkuat kuasa. Terma dan syarat yang **mentadbir** FRNID terpilih dinyatakan secara tertentu dalam Helaian Terma dan Helaian Pendedahan Produk yang tertakluk kepada garis Panduan Bank Negara Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, dan sebarang garis panduan, syarat dan peraturan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

Notis Penting:

Anda tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak merangkumi anda jika anda mengalami kerugian wang akibat penyalahgunaan, atau penipuan secara sengaja wang atau hartanah lain, oleh pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil HLB.

26. **Promosi** ini TIDAK sah dengan sebarang promosi lain yang sedang berlangsung atau (termasuk dana-dana Unit Amanah yang menikmati Caj Promosi Jualan) yang ditawarkan oleh **HLB** dari semasa ke semasa.

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:

- (i) telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Promosi ini;
- (ii) bersetuju bahawa keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan **Promosi** ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua **Pelanggan Layak** dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan; dan
- (iii) bersetuju untuk melayari Laman Sesawang HLB secara kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi T&S.

28. **HLB** berhak untuk:

- (i) menolak kelayakan mana-mana Pelanggan PB daripada menyertai **Promosi** ini atas sebarang sebab yang dianggap wajar oleh **HLB** mengikut budi bicara mutlak; dan
- (ii) pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, mengikut budi bicaranya dengan cara memaparkan terma dan syarat yang dipinda di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang cara lain yang dianggap sesuai oleh **HLB**.

29. T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Akaun Deposit Tetap serta Terma dan Syarat Am Akaun akan dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S yang ditentukan di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.

30. Pelanggan PB/Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh **HLB** atau telah diisytiharkan muflis (selaras dengan petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa **Tempoh Promosi TIDAK** layak menyertai **Promosi** ini.

31. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan PB bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Akaun Deposit Tetap adalah layak dilindungi oleh PIDM.

Unit Amanah dan Akaun Pelaburan FRNID adalah TIDAK layak dilindungi oleh PIDM

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRINSIPAL PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK **PENGELUAR** APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

Lampiran 1

Kod HLB	Nama Dana	Jenis Aset
AM01	AmAsia-Pacific Property Equities	Ekuiti
AM02	AmGlobal Property Eq	Ekuiti

AM03	AmSchroder European Equity Alpha	Ekuiti
AM04	AmOasis Global Islamic Equity	Ekuiti
AM05	AmPan European Property Equities	Ekuiti
AM10	AmPrecious Metal	Ekuiti
AM16	AmCommodities Equity	Ekuiti
AM20	AMCUMULATIVE GROWTH	Ekuiti
AM23	AMISLAMIC BALANCED	Aset Campuran
AM24	AMISLAMIC GROWTH	Ekuiti
AM25	AMASIA PACIFIC REITS	Ekuiti
AM29	AmTotal Return	Ekuiti
AM30	AmAsia Pacific Equity Income	Ekuiti
AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	Ekuiti
AM34	AmConservative	Pendapatan
CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	Ekuiti
CIMB03	CIMB Islamic Asia Pacific Equity	Ekuiti
CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	Ekuiti
CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	Ekuiti
CIMB10	CIMB-Principal Equity	Ekuiti
CIMB12	CIMB Islamic Balanced	Aset Campuran
CIMB13	CIMB Islamic DALI Equity	Ekuiti
CIMB14	CIMB Islamic Small Cap	Ekuiti
CIMB15	CIMB-Principal Balanced Income	Aset Campuran
CIMB17	CIMB-Principal Equity Growth & Income	Ekuiti
CIMB18	CIMB-Principal Equity Income	Ekuiti
CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced	Aset Campuran
CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	Ekuiti
CIMB30	CIMB-Principal Global Multi Asset Income	Aset Campuran
FTAM01	Franklin US Opportunities MYR	Ekuiti
FTAM02	Templeton Global Equity A (MYR)	Ekuiti
FTAM03	Templeton Global Balanced A (MYR)	Aset Campuran
HLG01	Hong Leong Growth	Ekuiti
HLG02	Hong Leong Penny Stock	Ekuiti
HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Ekuiti
HLG09	Hong Leong Dana Makmur	Ekuiti
HLG10A	Hong Leong Bond	Bon
HLG11	Hong Leong Balanced	Aset Campuran
HLG12	Hong Leong Dana Maarof	Aset Campuran
HLG14	Hong Leong Dividend	Ekuiti
HLG15	Hong Leong Strategic	Ekuiti
HLG24	Hong Leong Asia-Pacific Income Plus	Pendapatan
HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Ekuiti
HLG40	Hong Leong Regular Income	Pendapatan
HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Ekuiti
HWA02	Affin Hwang Aiiman Growth	Ekuiti
HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Aset Campuran

HWA07	Affin Hwang Select Income	Pendapatan
HWA11	Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra	Ekuiti
HWA17	Affin Hwang Select AUD Income - MYR	Pendapatan
HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Ekuiti
HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Jpn) Quantum	Ekuiti
HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp	Ekuiti
HWA26	Affin Hwang Select SGD Income - MYR	Pendapatan
HWA27	Affin Hwang China Growth	Ekuiti
HWA28	Affin Hwang Japan Growth	Ekuiti
OSK01	RHB Emerging Opp UT	Ekuiti
OSK02	RHB Sm Cap Opp UT	Ekuiti
OSK03	RHB Kidsave Trust	Aset Campuran
OSK08	RHB Dana Islam	Ekuiti
OSK09	RHB Smart Treasure	Ekuiti
OSK10	RHB Smart Balanced	Aset Campuran
OSK12	RHB Growth & Income Focus	Aset Campuran
OSK14	RHB Global Equity Yield	Ekuiti
OSK16	RHB Resources	Ekuiti
OSK20	RHB Golden Dragon	Aset Campuran
OSK21	RHB Thematic Growth	Ekuiti
OSK23	RHB Big Cap China Enterprise	Ekuiti
OSK24	RHB Asian Growth Opportunities	Ekuiti
OSK25	RHB Malaysia Dividend	Ekuiti
OSK30	RHB Energy Fund	Ekuiti
OSK31	RHB Gold and General	Ekuiti
OSK34	RHB US Focus Equity	Ekuiti
OSK35	RHB Asia Financials Fund	Ekuiti
OSK40	RHB Multi Asset Regular Income Fund	Aset Campuran
RHB42	RHB GS US Equity Fund	Ekuiti
OSK43	RHB Asian Income Fund	Pendapatan
OSK45	RHB GoldenLife 2020	Aset Campuran
OSK46	RHB GoldenLife 2030	Ekuiti
PRU01	Eastspring Investments Small-cap	Ekuiti
PRU02	Eastspring Investments Growth	Ekuiti
PRU03	Eastspring Investments Balanced	Aset Campuran
PRU05	Eastspring Investments dana al-ilham	Ekuiti
PRU06	Eastspring Investments dana al-islah	Pendapatan
PRU07	Eastspring Inv Asia Pacific Equity MY	Ekuiti
PRU09	Eastspring Inv Asia Select Income	Ekuiti
PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Ekuiti
PRU11	Eastspring Investments Global Leaders MY	Ekuiti
PRU15	Eastspring Investments Global Basics MY	Ekuiti
PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Ekuiti
PRU24	Eastspring Inv Asia Pacific Syariah Eq	Ekuiti
PRU26	Eastspring Inv Global Emerging Markets	Ekuiti

PRU30	Eastspring Investments ASEAN al-Adiil	Aset Campuran
TA02	TA South East Asia Equity	Ekuiti
TA03	TA European Equity	Ekuiti
TA04	TA Asian Dividend Income	Ekuiti
TA05	TA Global Technology	Ekuiti
TA08	TA COMET	Ekuiti
TA10	TA GROWTH	Ekuiti
TA13	TA ISLAMIC	Ekuiti